

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelatih Pusat Giatmara Memilih Bidang Elektrik Dan Elektronik Di Daerah Johor Bahru

Abd Wahid Mukhari¹ & Siti Saleha Ab Salam²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

ABSTRAK: Penyelidikan ini dilaksanakan bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelatih pusat GIATMARA memilih bidang Elektrik dan Elektronik di daerah Johor Bahru. Faktor-faktor yang dikaji tertumpu kepada faktor mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah, Program Kaunseling Kerjaya di sekolah, rakan sebaya, maklumat daripada laman web GIATMARA, dan peluang kerjaya. Responden penyelidikan terdiri daripada 74 orang pelatih pusat GIATMARA di sekitar daerah Johor Bahru yang sedang mengikuti kursus dalam bidang Elektrik dan Elektronik. Kajian rintis telah dijalankan kepada 20 orang pelatih yang sedang mengikuti kursus dalam bidang Elektrik di pusat GIATMARA Batu Pahat dan nilai kebolehpercayaan yang diperolehi adalah 0.968. Dapatan penyelidikan menunjukkan empat daripada lima faktor yang dikaji mempengaruhi pelatih pusat GIATMARA memilih bidang Elektrik dan Elektronik. Faktor yang paling mempengaruhi adalah faktor peluang kerjaya, diikuti faktor mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah, Program Kaunseling Kerjaya di sekolah dan rakan sebaya.

Katakunci: Faktor Mempengaruhi Pelatih, Pusat Giatmara, Elektrik Dan Elektronik

ABSTRACT: The purpose of this study is to identify the factors influencing the GIATMARA centers' trainees to choose Electrical and Electronics field in Johor Bahru. The factors that researcher have focused were Living Skills subject at school, Career Counseling Program at school, peer group influence, information from GIATMARA web page, and career opportunity. 74 GIATMARA trainees involve in the study were selected from centers around Johor Bahru who are taking the course of Electrical and Electronics. A pilot study was done to 20 trainees of Electrical and Electronics course in Batu Pahat GIATMARA and the result of reliability measure was 0.968. The result of this study showed that four of the five factors studied influenced GIATMARA center's trainees in choosing Electrical and Electronics field. The most influential factor is career opportunity, followed by Living Skills subject, Career Counseling Program at school and peer group.

Keywords: Factors Influencing Trainees, Giatmara Center, Electrical And Electronics

1.0 PENGENALAN

MARA adalah singkatan kepada Majlis Amanah Rakyat, merupakan sebuah sebuah agensi kerajaan di bawah pentadbiran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. GIATMARA adalah salah satu institusi yang menjalankan program latihan praktikal dan teori di bawah program MARA. Ia dilaksanakan sebagai satu usaha ke arah menambah bilangan tenaga mahir yang diperlukan oleh negara dalam sektor perindustrian sejajar dengan pembangunan yang pesat khususnya di luar Bandar dan juga di kawasan separa bandar.

GIATMARA ditubuhkan bagi menggalakkan penyertaan masyarakat bumiputera untuk mempelajari pelbagai disiplin ilmu kemahiran ketukangan khususnya yang berkait rapat dengan aspek perdagangan dan perindustrian dalam jangka pendek. Kursus pengajian yang

dijalankan di GIATMARA kurang daripada 20 jam kredit dalam tempoh kurang daripada 16 minggu dan membawa kepada penganugerahan sijil GIATMARA, sijil Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) dan sijil Suruhanjaya Tenaga bagi kursus Pendawaian Elektrik Domestik.

Objektif penubuhan GIATMARA adalah memberi latihan praktikal dan teori kepada masyarakat bandar dan luar bandar dalam bidang yang bersesuaian dengan keperluan tempatan. Usaha ini diharap dapat meningkatkan taraf hidup individu melalui peluang usaha niaga dan pekerjaan. Sebagai sebuah institusi latihan kemahiran di peringkat akar umbi masyarakat, GIATMARA merialisasikan hasrat kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup dan mengurangkan kadar pengangguran serta gejala kurang sihat dalam masyarakat bumiputera.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Seiring dengan perkembangan industri pembuatan di Malaysia, bidang Elektrik dan Elektronik juga semakin berkembang dan memerlukan lebih ramai tenaga mahir dan separuh mahir. Keupayaan Malaysia dalam industri berasaskan Kejuruteraan Elektrik banyak dibantu oleh syarikat multinasional dan juga insentif kerajaan, misalnya Akta Insentif Pelaburan 1968 dan mewujudkan zon perdagangan bebas untuk industri yang berorientasikan eksport. Sumbangan industri berasaskan Kejuruteraan Elektrik kepada sektor pekerjaan juga adalah penting. Malah sehingga kini industri tersebut telah menyumbangkan peratusan yang tinggi kepada permintaan sektor pekerjaan dan yang tertinggi berbanding sektor lain (Abibullah Haji Samsudin et al., 1994).

Bagi menampung perkembangan industri pembuatan di Malaysia, kerajaan bukan hanya perlu menyediakan pelbagai insentif kepada pelabur untuk melabur di negara ini tetapi juga lebih penting ialah menyediakan tenaga kerja yang mempunyai kelayakan yang tinggi bagi membolehkan mereka menyerap teknologi daripada luar. Pemindahan teknologi ini berlaku terutama oleh bahagian teknikal seperti jurutera, ahli sains, juruteknik dan juga di bahagian penyelidikan dan pembangunan. Yukio Shohtoku (2003), menyatakan Malaysia boleh berbangga dengan terdapatnya sebilangan besar juruteknik dan pekerja-pekerja kemahiran yang dikeluarkan dari pelbagai institut latihan vokasional untuk pelbagai industri dan pekerjaan.

Sehubungan itu, pendidikan vokasional berasaskan kemahiran perlu disediakan kepada golongan muda terutama bagi golongan yang tidak Berjaya meneruskan pembelajaran akademik selepas tamat persekolahan. Ini kerana mereka juga perlu bersaing dalam sektor industri yang semakin berkembang. Menurut Hassan (1996), terdapat sebahagian besar daripada kalangan pelajar yang gagal dalam peperiksaan atau mereka yang memperolehi keputusan yang tidak cemerlang, mempunyai kebolehan dan keupayaan yang lebih baik daripada apa yang dibayangkan oleh keputusan yang mereka perolehi.

Kini, peluang kerjaya juga merupakan satu lagi faktor besar yang amat mudah mempengaruhi seseorang dalam pemilihan kerjaya mereka. Menyedari keperluan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang semakin meningkat, mereka memilih bidang kemahiran tertentu yang mempunyai potensi yang cerah. Menurut Spark (1977) dalam Abibullah Haji Samsudin et al. (1994) dalam kajiannya berpendapat, pencari kerja daripada lulusan teknik dan vokasional memerlukan masa yang lebih singkat untuk mendapat pekerjaan.

Selain daripada itu, dalam menyediakan pendidikan latihan vokasional, apakah usaha yang dilakukan oleh pihak penganjur untuk mendedahkan peluang latihan vokasional kepada golongan belia. Adakah pihak penganjur menggunakan Teknologi Maklumat dengan sebaiknya dalam menyebarkan maklumat seperti memaparkan maklumat di internet. Dalam

dunia berteknologi dan masyarakat yang semakin menyedari kepentingan penggunaan Teknologi Maklumat, pihak penganjur juga harus menggunakan medium ini sebagai alternatif menyebarkan maklumat berkaitan peluang latihan kepada umum.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Memandangkan bidang Elektrik dan bidang Elektronik adalah bidang kursus yang berkaitan dengan bidang kerja di industri berasaskan Elektrik dan Elektronik yang semakin berkembang, maka penyelidik ingin mengetahui faktor-faktor penting yang mempengaruhi para pelatih di pusat GIATMARA memilih bidang Elektrik dan bidang Elektronik.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui adakah faktor mata pelajaran KHB di sekolah mempengaruhi pelatih pusat GIATMARA memilih bidang Elektrik dan Elektronik.
- ii. Mengetahui adakah faktor pengaruh rakan sebaya mempengaruhi pelatih pusat GIATMARA memilih bidang Elektrik dan Elektronik.
- iii. Mengetahui adakah faktor peluang kerjaya mempengaruhi pelatih pusat GIATMARA memilih bidang Elektrik dan Elektronik.

5.0 SOROTAN KAJIAN

5.1 Teori Pemilihan dan Membuat Keputusan

Setiap individu tidak akan terlepas daripada membuat pemilihan dalam hidupnya, tidak kira sama ada membuat pemilihan melibatkan kesan yang kecil atau besar. Membuat pemilihan berkait rapat dengan proses membuat keputusan. Terdapat pelbagai definisi membuat keputusan. Antaranya, menurut pandangan Fred Luthans (1997), membuat keputusan boleh dianggap proses membuat pilihan antara beberapa alternatif.

Sharifah Alwiyah (1987) juga menyatakan pada tahap peralihan remaja mula menyedari tentang keperluan dalam membuat sesuatu keputusan yang segera, lebih kritikal dan realistik bagi masa depan mereka. Pemikiran mereka mula meningkat dan melakukan persediaan pengetahuan tentang perbezaan gaji dan juga jenis-jenis pekerjaan.

Menurut Ahmad Zabidi et. al. (2004), di Malaysia, kebanyakan remaja mula mempertimbangkan pemilihan bidang pendidikan dan kerjaya untuk masa hadapan selepas tamat persekolahan iaitu selepas menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Antara usaha yang dilakukan ialah mendapatkan pelbagai maklumat yang berkaitan pemilihan sama ada dari sekolah yang terdiri daripada guru-guru, kaunselor dan rakan-rakan ataupun daripada sumber lain seperti internet, seminar dan pameran pendidikan.

Dalam membuat keputusan, isu penting yang menentukan perancangan ialah mengumpulkan maklumat yang berkaitan. Oleh yang demikian, satu kaedah pengumpulan maklumat ialah dengan membentuk sistem pengumpulan yang mudah tetapi berkesan iaitu dengan mengumpulkan maklumat sehingga diperlukan pada suatu ketika. Sebagai contoh jika kita berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Kejuruteraan Perisian selepas peperiksaan nanti, kumpulkan semua maklumat yang berkaitan melalui risalah, akhbar, internet, buku dan sebagainya. Jangan risau jika tidak sempat

membacanya kerana apabila tiba masanya kita ada sejumlah maklumat yang mencukupi untuk diteliti. (Ahmad Amin, 2006).

Faktor dalaman individu merupakan salah satu pendorong dalam menentukan pemilihan bidang pendidikan dan kerjaya. Holland (1973), menggambarkan bahawa pemilihan kerjaya oleh seseorang itu merupakan satu gerakan dari diri sendiri, ini bermakna individu itu akan memilih kerjaya berdasarkan minat, kebolehan dan citarasanya terhadap dunia pekerjaan.

Walau bagaimanapun, faktor persekitaran juga menjadi pendorong dalam membuat pemilihan. Menurut Ginzberg (Noran Fauziah dan Ahmad Mahzan, 1993) lagi pandangan masyarakat terhadap pekerjaan tersebut juga termasuk dalam aspek pertimbangan pemilihan dan yang akhirnya ialah kesan pengaruh 'orang terdekat' atau 'orang penting' dalam kehidupan individu tersebut, ini merujuk kepada sesiapa sahaja yang mungkin mempengaruhi seseorang itu seperti ibubapa, adik beradik, isteri atau suami, bekas guru, rakan atau tokoh terkenal dalam komuniti.

5.2 Bidang Elektrik

Kursus Pendawaian Elektrik Domestik menyediakan pelatih dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Elektrik. Para pelatih akan diberi latihan berkaitan lukisan elektrik, pengagihan kawalan dan perlindungan pemasangan elektrik, pengujian, pbumian, litar elektrik, kondiut, trunking, alat pekakas rumah, sistem bekalan tiga fasa, kawalan perusahaan, motor elektrik, Sistem pendawaian "*Overhead dan underground*" serta didedahkan kepada Akta dan peraturan Suruhanjaya Tenaga. Pelatih yang berjaya menamatkan kursus ini akan menerima sijil yang dikeluarkan oleh GIATMARA, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) dan sijil Suruhanjaya Tenaga.

Bagi kursus Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara, para pelatih akan diajar mengenai sistem pemampatan dan pemeluwapan, memasang dan menyambung system paip penyejukan, menganalisa teknik-teknik rawatan elektrikal dan mekanikal serta memilih penyaman udara mengikut keperluan. Pelatih yang berjaya menamatkan kursus ini akan menerima sijil yang dikeluarkan oleh GIATMARA dan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Sejak penubuhannya pada tahun 1986, GIATMARA telah menerima dan melatih sebanyak 24 488 pelatih dalam bidang elektrik (Laporan Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Perancangan Korporat Mara, 2005).

5.3 Bidang Elektronik

Program GIATMARA menjalankan tiga jenis kursus latihan kemahiran dalam bidang Elektronik. Kursus-kursus tersebut ialah Membaiki Radio, TV dan Video, Elektronik Industri dan Juruteknik Sistem Komputer.

Kursus Elektronik Industri pula menyediakan pelatih dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Elektronik di industri dalam menyediakan tenaga mahir dalam bidang Elektronik. Melalui kursus ini, pelatih akan dilatih dengan kemahiran dan pengetahuan teknikal tentang Elektronik Industri terutama sekali dalam teori dan amali peralatan elektronik yang digunakan secara meluas dalam sektor industri. Pelatih dibimbing agar boleh melakukan kerja tanpa pengawasan secara individu atau berkumpulan dalam semua aspek termasuk membaiki pulih semua peralatan Elektrik dan Elektronik dalam industri mahupun domestik.

Kursus Juruteknik Sistem Komputer menyediakan pelatih dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Sistem Komputer. Pelatih diajar supaya mengetahui caracara

memasukkan perisian serta pemasangan perkakasan komputer di samping mengetahui cara-cara membaikpulih perisian, penyelenggaraan, mengesan kerosakan, membaikpulih serta pengubahsuaian komponen. Pelatih yang berjaya menamatkan ketiga-tiga kursus ini akan menerima sijil yang dikeluarkan oleh GIATMARA dan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).

Industri Elektronik ialah industri yang termuda dan mempunyai masa depan yang cerah sama ada di Negara maju ataupun di Negara membangun. Industri Elektronik ialah industri yang menghasilkan keluaran atau satu sistem yang menggunakan litar elektronik yang dapat mengalirkan arus Elektrik berkuasa rendah dan menggabungkan komponen aktif serta mampu mengubah suai pengaliran elektrik. (Abibullah Haji Samsudin et.al., 1994) Sejak penubuhannya pada tahun 1986, GIATMARA telah menerima dan melatih sebanyak 6 109 pelatih dalam bidang Elektronik (Laporan Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Perancangan Korporat Mara, 2005). Jadual berikut menunjukkan bilangan pelajar yang mendaftar kursus bidang Elektronik dari tahun 1986 hingga 2004.

5.4 Faktor Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB)

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah merupakan sebahagian usaha pendidikan ke arah mempertingkatkan kemahiran teknologi dan keusahawanan. Mata pelajaran ini membekalkan kemahiran yang berguna dan berfungsi agar para pelajar boleh mengendalikan kehidupan harian secara produktif dalam dunia teknologi dan industri yang kompleks dan sentiasa berubah.

Kemahiran Hidup merupakan komponen asas kepada pendidikan vokasional. Kemahiran Hidup adalah satu mata pelajaran baru dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah bagi menggantikan mata pelajaran Aneka Jurusan (Seni Perusahaan, Ekonomi Rumah Tangga, Sains Pertanian, Perdagangan dan Keusahawanan). Kemahiran Hidup adalah kemahiran-kemahiran asas yang perlu dibekalkan kepada pelajar untuk membolehkan mereka bertindak mengendalikan hidup secara produktif di dalam dunia teknologi dan perdagangan yang kompleks dan sentiasa berubah. Mata pelajaran ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar seberapa banyak yang boleh bidang kemahiran agar kemahiran yang dipelajari itu dapat digunakan oleh pelajar untuk kehidupan seharian seperti membaik pulih perkara yang mudah di rumah mereka. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989).

Matlamat mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah adalah untuk membolehkan murid memperolehi kemahiran asas dan pengetahuan berasaskan teknologi dan keusahawanan supaya mereka dapat menjalankan kerja-buat-sendiri, mereka cipta dan cenderung berurusniaga serta mengamalkan sikap dan budaya kerja yang baik. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Manakala matlamat mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah adalah untuk melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berintensif dan yakin dalam keadaan teknologi yang sentiasa berubah untuk kehidupan harian. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

Pengajaran kemahiran berbentuk amali juga sangat penting terutamanya dalam mata pelajaran berkaitan teknologi seperti mata pelajaran Kemahiran Hidup. Miller dan Miller (1998), menyatakan pengetahuan tentang bidang yang perlu diajar dan disertakan aplikasi kemahiran adalah kunci kepada pengajaran yang efektif.

Namun begitu pendidikan vokasional selalu dianggap sebagai sesuatu yang tidak efektif oleh orang-orang di luar bidang pendidikan. Aliran pendidikan vokasional masih dianggap sebagai pendidikan pilihan kedua. Pendapat ini tidak sesuai lagi digunakan kini kerana perkembangan teknologi yang pesat kini memaksa kita memperoleh kemahiran melalui pendidikan vokasional. Di Taiwan contohnya, nisbah pendidikan vokasional melintasi

pendidikan am ialah 70:30 memihak kepada pendidikan vokasional dan pelajar lepasan sekolah vokasionalnya mendapat gaji yang lumayan. (Ishak Yusuf dan Rahmah Ismail, 1997).

Di samping itu guru Kemahiran Hidup juga perlu meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan bidang vokasional dalam dunia berteknologi kini. Menurut Noraini Ahmad (2000), guru lebih prihatin dengan beberapa proses perkembangan yang dilalui oleh remaja kerana mereka berdepan dengan kelompok ini sepanjang masa. Remaja pula sememangnya memerlukan bantuan daripada guru untuk membimbing mereka.

5.5 Faktor Rakan Sebaya

Pada peringkat remaja juga, mereka mula mencari identiti sendiri. Rujukanutama mereka tentang tingkah laku, identiti dan masa depan ialah kumpulan rakan sebaya. Rakan sebaya adalah tempat melafazkan fikiran dan emosi. Seltzer dan Waterman (1996), menyatakan dalam zaman remaja wujud *Peership* iaitu persahabatan yang unik kepada remaja. Rakan sebaya berumur lebih kurang sama dengan remaja tersebut dan terdiri daripada rakan persekolahan, rakan yang tinggal di kawasan perumahan yang sama, rakan-rakan dalam aktiviti riadah dan sukan yang sama.

Persahabatan dan perhubungan dengan rakan sebaya ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi personaliti individu. Menurut Sulaiman (1996), rakan sebaya adalah segala-galanya bagi seorang pelajar. Dengan rakan sebaya remaja mula mempelajari erti kehidupan dan lebih berpengaruh dalam membentuk peribadi serta watak mereka. Ee Ah Meng (1991), juga menyatakan bahawa rakan sebaya merupakan faktor yang penting dalam pembentukan personaliti seseorang. Sebagai contoh jika seseorang bergaul dengan kumpulan rakan yang mempunyai personaliti yang baik, individu tersebut akan berusaha untuk menjadi seperti rakannya.

Atan Long (1988), pula menyatakan bahawa seseorang itu cenderung untuk memilih kawan yang mempunyai minat yang sama. Sehubungan dengan itu, jika seseorang pelajar itu berkawan dengan pelajar yang meminati bidang Elektronik, maka kawannya juga boleh mendorong agar ia turut sama meminati bidang tersebut. Ee Ah Meng (1988), juga menyokong pendapat tersebut dan menegaskan minat yang ada pada rakan sebaya juga penting sebagai pengaruh terhadap minat dan seterusnya menentukan tindakan dan keputusan seseorang dalam menentukan masa depannya. Individu, terutama golongan remaja cenderung untuk mempunyai minat yang sama dengan rakan-rakannya kerana di sinilah mereka akan berkongsi pendapat dan mengeratkan perhubungan.

Segala cadangan yang dikemukakan kepada rakan sekumpulan akan dituruti. Oleh kerana itu kita juga dapati remaja terutama yang berkumpul akan melakukan apa sahaja yang dimulakan oleh rakan kumpulan. Ini selari dengan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) bahawa kesukaan meniru dan mencontohi orang lain sudah menjadi sifat semula jadi kanak-kanak walaupun ia kadang-kadang menyalahi norma-norma sosial di dalam masyarakat.

6.0 METOD

6.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kajian penyelidikan berbentuk diskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Mohd Najib (1998), menyatakan bahawa kajian diskriptif

adalah kajian yang mengkaji peristiwa atau fenomena pada masa sekarang yang melibatkan penerangan, pemerhatian, analisis, perbandingan dan perkaitan.

Penyelidikan berbentuk deskriptif digunakan dalam kajian ini bertujuan mendapatkan ukuran ataupun gambaran berkaitan faktor yang mendorong pelatih pusat GIATMARA memilih bidang Elektrik dan Elektronik. Kajian yang akan dijalankan melibatkan pengumpulan data menggunakan soal selidik yang akan di jalankan terhadap para pelatih kursus berkaitan bidang Elektrik dan Elektronik di pusat-pusat GIATMARA di daerah Johor Bahru.

6.2 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di tiga buah pusat GIATMARA di daerah Johor Bahru iaitu pusat GIATMARA Pulai, pusat GIATMARA Tebrau dan pusat GIATMARA Johor Bahru. Pemilihan ketiga-tiga buah pusat GIATMARA ini adalah berdasarkan kepada dua faktor penting iaitu faktor kesesuaian dan faktor lokasi kajian. Penyelidik hanya memilih pusat-pusat GIATMARA yang ada menawarkan kursus berkaitan bidang Elektrik dan bidang Elektronik kerana bersesuaian dengan kajian yang hendak dijalankan. Daerah Johor Bahru adalah lokasi yang paling sesuai kerana kesemua pusat GIATMARA yang terdapat di dalam daerah ini ada menawarkan kursus dalam bidang Elektrik dan Elektronik.

6.3 Populasi Kajian

Populasi kajian adalah terdiri daripada para pelatih yang sedang menjalani latihan vokasional dalam salah satu bidang Elektrik dan Elektronik di pusat GIATMARA Pulai, pusat GIATMARA Johor Bahru dan pusat GIATMARA Tebrau. Bilangan responden daripada pusat GIATMARA Pulai adalah seramai 34 orang, pusat GIATMARA Tebrau seramai 18 orang dan pusat GIATMARA Johor Bahru seramai 22 orang. Oleh itu, penyelidik menggunakan keseluruhan populasi sebagai responden kajian. Sebanyak 74 set borang soal selidik telah diedarkan kepada 74 orang responden yang telah dikenal pasti.

6.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik. Soal selidik adalah satu instrumen yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan untuk menukarkan maklumat kepada data seperti mana yang diberikan oleh responden (Tuckman, 1994).

Set soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah berkaitan latar belakang responden, manakala bahagian B adalah tahap persetujuan terhadap setiap pernyataan item bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan

Skala Likert yang digunakan dalam borang soal selidik yang dikemukakan mengandungi lima nilai skor bagi menunjukkan darjah persetujuan responden terhadap sesuatu item.

Jadual 1 :Pemeringkatan Skala Likert

Nilai Likert	Maklumbalas
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak setuju (TS)
3	Tidak Pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

6.4 Kajian Rintis

Seramai 20 orang responden dari kalangan para pelatih pusat GIATMARA yang sedang menjalani latihan dalam bidang Elektrik dan Elektronik di pusat GIATMARA Batu Pahat diminta menjawab soalan kaji selidik ini. Kaedah ini akan menentukan kadar pekali kebolehppercayaan yang menunjukkan item-item kajian berhubungan antara satu dengan lain. Daripada kajian rintis yang telah dijalankan, nilai pekali Alpha Cronbach yang diperolehi adalah 0.968. Menurut Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001), sekiranya nilai pekali melebihi 0.6 maka, instrumen yang dibina boleh digunakan di dalam kajian.

7.0 DAPATAN KAJIAN

7.1 Analisis Data

Jadual 2: Taburan responden kajian mengikut jantina

Bil	Jantina	Kekerapan (f)	Peratus (%)
1	Lelaki	57	77
2	Perempuan	17	23
Jumlah		74	100

Jadual 2 menunjukkan taburan responden kajian mengikut jantina. Daripada keseluruhan 74 orang responden, 57 responden (77.0%) adalah terdiri daripada pelatih lelaki dan 17 responden (23.0%) adalah terdiri daripada pelatih perempuan.

7.2 Mata pelajaran KHB di sekolah mempengaruhi pemilihan kursus oleh pelatih kursus Elektrik dan Elektronik di pusat GIATMARA

Jadual 3 : Perincian analisis faktor mata pelajaran KHB di sekolah terhadap pemilihan kursus oleh pelatih bidang Elektrik dan Elektronik di pusat GIATMARA

Pernyataan Item	Sangat Setuju		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Minat saya semasa belajar kemahiran hidup di sekolah mendorong saya memilih kursus ini	10	13.5	22	29.7	31	41.9	10	13.5	1	1.4
Aktiviti amali yang lebih banyak ketika belajar kemahiran hidup di sekolah mendorong saya memilih kursus ini.	10	13.5	33	44.6	27	36.5	4	5.4	0	0
Minat saya dalam tajuk elektrik dan elektronik dalam matapelajaran kemahiran hidup mendorong saya memilih kursus ini	15	20.3	31	41.9	19	25.7	8	10.8	1	1.4
Minat saya dalam melakukan amali elektrik dan elektronik semasa belajar kemahiran hidup mendorong saya memilih kursus ini.	19	25.7	30	40.5	20	27.0	5	6.8	0	0
Kepentingan bidang elektrik dan elektronik yang dijelaskan oleh guru kemahiran hidup kepada saya mendorong saya memilih kursus ini	20	27.0	26	35.1	20	27.0	7	9.5	1	1.4
Aplikasi amali elektrik dan elektronik dalam matapelajaran kemahiran hidup yang banyak berkaitan dengan kehidupan seharian mendorong saya memilih kursus ini.	18	24.3	35	47.3	14	18.9	6	8.1	1	1.4
Purata Peratusan		20.7		39.8		29.5		9.1		0.9

Dapatan yang diperolehi bagi menjawab persoalan kajian ini menunjukkan aktiviti amali Elektrik dan Elektronik yang dilakukan semasa belajar mata pelajaran KHB di sekolah yang banyak dikaitkan dengan aplikasi dalam kehidupan seharian adalah item yang paling mempengaruhi. Dalam menjawab persoalan kajian ini, minat terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup merupakan item yang paling lemah dalam menjawab persoalan kajian seperti dapatan bagi item 1.

Secara keseluruhannya, majoriti responden bersetuju bahawa faktor mata pelajaran KHB di sekolah mempengaruhi pemilihan kursus yang sedang diikuti di pusat GIATMARA. Purata peratusan bagi faktor mata pelajaran KHB di sekolah menunjukkan daripada keseluruhan 74 orang responden, 60.5% memberi persetujuan, manakala selebihnya hanya 29.5% tidak pasti dan 10.0% tidak setuju.

7.3 Rakan sebaya mempengaruhi pemilihan kursus oleh pelatih kursus Elektrik dan Elektronik di pusat GIATMARA

Jadual 4: Perincian analisis faktor rakan sebaya terhadap pemilihan kursus oleh pelatih bidang Elektrik dan Elektronik di pusat GIATMARA

Pernyataan Item	Sangat Setuju		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Saya memilih kursus ini kerana rakan-rakan saya ramai yang mengikuti kursus ini.	2	2.7	10	13.5	16	21.6	29	39.2	17	23.0
Saya mengikuti kursus ini kerana ajakan rakan-rakan	1	1.4	9	12.2	3	4.1	35	47.3	26	35.1
Saya memilih kursus ini kerana rakan-rakan saya memberitahu bahawa kursus ini bersesuaian dengan kebolehan saya	6	8.1	30	40.5	16	21.6	15	20.3	7	9.5
Maklumat daripada rakan-rakan mengenai kursus ini mendorong saya memilih kursus ini.	11	14.9	32	34.2	16	21.6	8	10.8	7	9.5
Rakan-rakan saya yang telah mengikuti kursus di giatmara mengesyorkan saya mengikuti kursus ini	12	16.2	31	41.9	12	16.2	10	13.5	9	12.2
Kejayaan rakan-rakan saya yang telah mengikuti kursus ini mendorong saya memilih kursus ini.	14	23.0	27	36.5	14	18.9	10	13.5	6	8.1
Purata Peratusan	11.1		31.4		17.3		24.1		16.2	

Bagi menjawab persoalan kajian ini, perkara yang paling mempengaruhi ialah pernyataan bagi item 14, dimana kejayaan rakan-rakan yang telah mengikuti kursus Elektrik dan Elektronik telah mendorong responden memilih bidang yang sama. Item yang paling tidak mempengaruhi ialah item 14. Responden memilih bidang ini bukan kerana ingin mengikut ajakan semata-mata.

Secara keseluruhan, purata peratusan menunjukkan 42.4% bersetuju bahawa faktor rakan sebaya mempengaruhi pemilihan kursus yang sedang diikuti di pusat GIATMARA. Ia diikuti dengan 40.3% tidak setuju dan 17.3% tidak pasti.

7.4 Peluang kerjaya mempengaruhi pemilihan kursus oleh pelatih kursus Elektrik dan Elektronik di pusat GIATMARA

Jadual 5: Perincian Analisis faktor peluang kerjaya terhadap pemilihan kursus oleh pelatih bidang elektrik dan elektronik di pusat GIATMARA

Pernyataan Item	Sangat Setuju		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Saya memilih kursus ini kerana melihat banyak iklan jawatan kosong dalam bidang kursus ini dalam media cetak	12	16.2	22	29.7	32	43.2	5	6.8	3	4.1
Saya memilih kursus ini kerana melihat banyak iklan jawatan kosong dalam bidang kursus ini dalam media elektronik	6	8.1	21	28.4	29	39.2	12	16.2	6	8.1
Saya memilih kursus ini kerana ramai kenalan yang memberitahu bahawa bidang kursus ini mempunyai potensi untuk diniagakan	26	35.1	27	36.5	15	20.3	3	4.1	3	4.1
Saya memilih kursus ini kerana ramai kenalan yang memberitahu bahawa kursus ini banyak peluang pekerjaan dalam sektor industri.	30	40.5	29	39.2	12	16.2	1	1.4	2	2.7
Saya memilih kursus ini kerana saya telah melihat peluangnya dalam sektor industri samasa pengalaman bekerja sebelum ini.	14	18.9	28	37.8	20	27.0	9	12.2	3	4.1
Maklumat daripada media massa bahawa kursus ini mempunyai peluang pekerjaan yang cerah mendorong saya memilih kursus ini	33	44.6	25	33.8	13	17.6	1	1.4	2	2.7
Purata Peratusan	27.2		34.3		27.3		7.0		4.3	

Secara keseluruhannya, faktor peluang kerjaya banyak mempengaruhi pemilihan kursus oleh para pelatih pusat GIATMARA. Ini kerana purata peratusan menunjukkan 61.5% bersetuju dengan persoalan kajian kelima, dan selebihnya hanya 27.2% tidak pasti dan 11.3% tidak setuju.

8.0 PERBINCANGAN

8.1 Faktor Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di Sekolah

Bagi menjawab persoalan kajian pertama, faktor mata pelajaran KHB yang dipelajari di peringkat sekolah telah mempengaruhi pemilihan kursus oleh pelatih kursus Elektrik dan Elektronik di pusat GIATMARA. Purata peratusan daripada dapatan kajian menunjukkan 60.5% persetujuan terhadap faktor mata pelajaran KHB dalam mempengaruhi pemilihan kursus.

Aplikasi yang banyak berkaitan dengan kehidupan seharian semasa melakukan amali Elektrik dan Elektronik dalam mata pelajaran KHB semasa di peringkat sekolah paling mempengaruhi mereka untuk menjadikan bidang ini sebagai pilihan. 71.6% pelatih telah mengakuinya.

Namun begitu, minat mereka terhadap mata pelajaran KHB semasa di sekolah tidak mendorong dalam pemilihan kursus. Hanya 43.2% pelatih bersetuju bahawa minat mereka terhadap mata pelajaran KHB di sekolah telah mendorong mereka memilih bidang Elektrik dan Elektronik.

Berdasarkan dapatan kajian, mata pelajaran KHB yang telah diajar di peringkat sekolah telah memberi kesan kepada responden. Ia telah mempengaruhi diri responden dalam membuat pemilihan bidang yang ingin diceburi setelah tamat alam persekolahan. Seperti yang diketahui, pelatih pusat GIATMARA adalah golongan yang lebih berminat kepada latihan kemahiran berbanding akademik. Ini amat bersesuaian dengan mata pelajaran yang KHB bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar seberapa banyak yang boleh bidang kemahiran agar kemahiran yang dipelajari itu dapat digunakan oleh pelajar untuk kehidupan seharian seperti membaik pulih perkara yang mudah di rumah mereka (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989).

Pelajar yang lemah dalam bidang akademik perlu diberi perhatian dan galakan yang sewajarnya bagi mengelakkan keciciran. Dengan mendedahkan mereka kepada amali-amali yang boleh meningkatkan tahap kemahiran, ia akan meningkatkan motivasi mereka untuk terus menimba ilmu. Miller dan Miller (1998), menyatakan pengetahuan tentang bidang yang perlu diajar dan disertakan aplikasi kemahiran adalah kunci kepada pengajaran yang efektif.

Memandangkan perkembangan teknologi dan pertumbuhan sektor perindustrian termasuk industri Elektrik dan Elektronik yang semakin rancak, pelajar perlu didedahkan dengan arus pemodenan ini. Mata pelajaran KHB Sekolah Menengah telah direka untuk mendedahkan pelajar kepada kepentingan bidang teknologi melalui matlamatnya iaitu untuk melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berintensif dan yakin dalam keadaan teknologi yang sentiasa berubah untuk kehidupan seharian. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

8.2 Faktor Rakan Sebaya

Rakan sebaya merupakan golongan yang paling rapat dan banyak mempengaruhi kehidupan individu remaja. Pergaulan dengan rakan sebaya membentuk tingkah laku, identiti dan masa depan mereka. Namun begitu, faktor rakan sebaya dalam mempengaruhi pemilihan kursus oleh pelatih tidak mempunyai tahap persetujuan yang tinggi. 42.4% bersetuju, manakala 40.3% tidak setuju menunjukkan perbezaan yang kecil.

Sebab utama para pelatih pusat GIATMARA memilih bidang Elektrik dan Elektronik bukan disebabkan ajakan dan mengikut rakan sebaya. 82.4% pelatih mengakui bahawa mereka memilih bidang ini bukan kerana ingin mengikut rakan sebaya dan 62.2% menolak

bahawa mereka mengikuti bidang ini kerana ramai rakan mereka yang menyertainya. Sebaliknya, kejayaan rakan-rakan yang pernah mengikuti kursus ini yang telah mendorong mereka memilih bidang yang sama. Ini diakui oleh 59.5% pelatih.

Walaupun rakan sebaya dilihat sebagai golongan yang banyak menyumbang kepada perubahan tingkah laku remaja, namun responden kajian yang terdiri daripada pelatih bidang Elektrik dan Elektronik di pusat GIATMARA berfikiran rasional dalam menentukan hala tuju masa depan mereka. Pengaruh rakan sebaya yang banyak mempengaruhi tingkah laku dan personaliti remaja telah diakui oleh banyak pihak. Namun begitu, tanggapan bahawa mereka terikut-ikut dengan tindakan rakan sebaya dalam memilih bidang kursus adalah tidak benar.

Sebaliknya, mereka memilih bidang ini setelah melihat kejayaan rakan-rakan terdahulu yang telah mengikuti bidang yang sama. Golongan remaja juga bijak membuat perbandingan terhadap persekitaran mereka. Erikson (1968), menyatakan persekitaran menolong remaja mencapai potensinya. Masyarakat berperanan membantu remaja membina identiti bergantung kepada sokongan yang diterima oleh anak muda. Begitu juga pendapat Seltzer dan Waterman (1996), menjelaskan remaja membuat perbandingan tingkah laku dengan remaja lain dalam membuat keputusan tentang masa depan mereka.

Tidak dinafikan bahawa pergaulan dengan rakan sebaya juga boleh mempengaruhi minat individu. Setelah melihat potensi dan kejayaan rakan dalam sesuatu bidang, remaja cenderung mencuba perkara yang sama. Ee Ah Meng (1988) menegaskan minat yang ada pada rakan sebaya menentukan tindakan dan keputusan seseorang dalam menentukan masa depannya.

8.3 Faktor Peluang Kerjaya

Daripada lima faktor pemilihan yang telah dikemukakan, faktor peluang kerjaya merupakan faktor yang paling mempengaruhi pemilihan kursus oleh pelatih yang dikenal pasti. Ia dibuktikan oleh purata peratusan yang diperolehi menunjukkan 61.5% persetujuan terhadap pernyataan tersebut, dimana ia merupakan purata peratusan tertinggi.

Sebab utama faktor peluang kerjaya mampu mempengaruhi pemilihan kursus adalah kerana mereka telah mendapat maklumat daripada kenalan mereka bahawa banyak peluang pekerjaan dalam bidang Elektrik dan Elektronik dalam sektor industri. 79.7% pelatih mengakui pernyataan tersebut. Maklumat kerjaya yang disebarkan menerusi televisyen, radio dan akhbar juga tidak kurang peranannya dalam mempengaruhi pemilihan kursus oleh mereka dimana 78.4% mengakuinya.

Namun begitu, iklan jawatan kosong dalam bidang Elektrik dan Elektronik menerusi penyebaran dalam media elektronik seperti radio dan televisyen bukanlah faktor yang mempengaruhi. Majoriti pelatih memihak kepada tidak pasti (39.2%) berbanding 36.5% setuju dan selebihnya tidak. Lazimnya, iklan jawatan kosong dihebahkan menerusi akhbar dan jarang sekali menerusi radio dan televisyen. Jika ada, mungkin mereka tidak mengikutinya.

Faktor peluang kerjaya memainkan peranan yang besar dalam menentukan hala tuju pelajar memilih bidang yang ingin diceburi. Maklumat mengenai peluang pekerjaan yang cerah, dan pengalaman bekerja telah mendorong mereka untuk terus mendapatkan ilmu kemahiran dalam bidang Elektrik dan Elektronik.

Maklumat berkaitan peluang kerjaya yang dihebahkan oleh kenalan dan media turut mempengaruhi pelatih di pusat GIATMARA dalam memilih bidang pengajian berbentuk kemahiran. Menurut Abibullah Haji Samsudin et. al. (1994) maklumat tentang pekerjaan yang menawarkan upah yang lebih dan prospek yang cerah diperolehi daripada kawan atau saudara mara.

Industri Elektrik dan Elektronik semakin pesat membangun dan bertapak kukuh di negara ini dan ia menyebabkan lebih ramai tenaga mahir diperlukan bagi menampung keperluannya. Pada 2006, nilai hasil industri Elektrik dan Elektronik mencecah RM214.9 bilion, eksport produk berasaskan Elektrik dan Elektronik berjumlah RM281.02 bilion atau 62.2% daripada jumlah eksport sektor pembuatan Negara. Industri ini juga telah menyediakan peluang pekerjaan untuk 400 000 orang, merangkumi 36.6% daripada jumlah pekerja dalam sektor pembuatan. (Berita Harian 4 Disember 2007).

Bagi menampung permintaan yang tinggi dalam industri Elektrik dan Elektronik ini, pekerja yang berkemahiran adalah lebih diperlukan oleh industri. Namun demikian, terdapat pencari kerja daripada lulusan teknik dan vokasional memerlukan masa yang lebih singkat untuk mendapat pekerjaan. Dari segi pendapatan yang diterima oleh lulusan pendidikan teknik dan vokasional, mereka mempunyai lebih pendapatan daripada pelajar bukan dari aliran kemahiran.

RUJUKAN

- Abibullah Samsudin, Morshidi Sirat dan Kamarulazizi Ibrahim (1994). *Pemindahan Teknologi Dalam Industri Elektronik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Amin Mohamad Sulaiman (2006). *Membuat Keputusan: Panduan Aplikasi Harian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zabidi, Mohd. Fadzilah Kamsah dan Noor Shamshinar Zakaria (2004). *Merancang Kejayaan*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng (1988). *Pendidikan Di Malaysia Untuk Guru Pelatih*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng (1991). *Pedagogi: Satu Pendekatan Bersepadu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Erikson, E. H. (1968). *Identity: Youth and Crisis*. New York: Norton.
- GIATMARA MALAYSIA (2007). *Maklumat Pelatih dan Maklumat Korporat*. Diperoleh 18 Ogos 2008 daripada <http://www.giatmara.edu.my>.
- Hassan Mohd Ali (1996). *Mendidik Anak Pintar Cergas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Holland, J. L. (1973). *Making Vocational Choice: A Theory of Careers*. New Jersey: Prentice Hall.
- Ishak Yusuf dan Rahmah Ismail (1997). *Pendidikan di Malaysia: Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan (1984). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan (1994). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1979). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1980). *Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (Penyata Mahathir)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1984). *Buku Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Peraksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Unit Penyelidikan dan Pembangunan Bahagian Perancangan Korporat Mara (2005). *Analisa Pengambilan Pelatih dan Status Pelatih Lulusan GIATMARA yang Menubuhkan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat Mara.

- Miller, W. R. dan Miller, M. F. (1998). *Instructors and Their Jobs*. USA: American Technical Publishers.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). *Pengenalan Kepada Analisa Data Berkomputer : SPSS 10.0 For Windows*. Kuala Lumpur, Venton Publishing.
- Noraini Ahmad (2000). *Kaunseling Remaja*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob (1993). *Guru dan Perguruan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oxford English Dictionary. (2000). 6th ed. Oxford: Oxford University Press.
- Prosiding Kebangsaan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan (1998). *Pendekatan Baru Terhadap Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1989). *Draf Kemahiran Hidup Program Peralihan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). *Sukatan Pelajaran KBSM Kemahiran Hidup Bersepadu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). *Sukatan Pelajaran KBSR Kemahiran Hidup Bersepadu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Seltzer, V. & Waterman, R. (1996). A cross national study of adolescent over concordance on issues of the future. *Journal of Adolescent Research*. 88(4): 461- 482.
- Sharifah Alawiyah Alsagoff (1987). *Psikologi Pendidikan II*. Kuala Lumpur: Longman Sdn. Bhd.
- Sulaiman Masri (1996). *Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Tuckman, B. W. (1994). *Conducting Educational Research*. (4th Edition) Fort Worth, Texas: Harcourt Brace College Publication.
- Yukio Shohtoku (2003). Mencapai Sasaran Perindustrian wawasan 2020: Perspektif Sains dan Teknologi. Dalam Ahmad Sarji (Ed.) (2003). *Wawasan 2020 Malaysia: Memahami Konsep, Implikasi dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- 50 Tahun Transformasi Industri Perdagangan Malaysia: Industri Elektrik dan Elektronik. (4 Disember 2007). *Berita Harian*. m/s 3